

Kembara Kampus ke Kokol SPE UMS

UB 3-3-2014 83

SATU lagi kembara kampus dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke SK Kokol, Menggatal, baru-baru ini.

Kembara kali ini diketuai oleh Dekan SPE Prof Madya Dr Hj Arsiyah Hj Bahron.

Lawatan itu dibuat secara rasmi oleh pensyarah SPE Datu Razali Datu Eranza, Dr Julian P Sidin, Andy Lee dan Dr Zakariya Belkhamza.

Kedatangan mereka disambut baik oleh Guru Besar Abdul Rahman Zainon yang sangat mengalu-alukan kehadiran pensyarah UMS.

Dalam kesempatan itu, buku-buku rujukan dan terbitan SPE diletakkan di Pusat Sumber SK Kokol dan Perpustakaan Mini Desa Kg Kokol.

Ia bertujuan menyalurkan lebih banyak isu semasa dan pengetahuan semasa untuk dikongsi bersama penduduk Kg Kokol, terutamanya para belia, ibu bapa dan pelajar sekolah.

Lawatan merupakan permulaan Kembara Kampus SPE yang akan dianjurkan bersama seminar ilmu pada bulan Mac ini, selain projek-projek pembersihan dan penceriaan kawasan sekolah yang akan diadakan dalam tahun ini.

Dapatan daripada lawatan itu menunjukkan lebih banyak lagi



ANDY, Abdul Rahman, Julian, Zakariya dan Razali bersama murid SK Kokol.

sumbangan dan bantuan kerajaan diperlukan untuk kesejahteraan dan penambahbaikan persekitaran kanak-kanak di sekolah.

Kembara kampus SPE akan meluaskan kembaranya ke Semporna sekali lagi selepas lawatan pada tahun 2010 yang disambut baik oleh Adun Bugaya Datuk Ramlee Marahaban.

Kembara kampus ke Semporna dijangkakan akan dilaksanakan antara Jun dan Ogos tahun ini.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berterima kasih kepada UMS yang

berusaha mengadakan pelbagai aktiviti bersama sekolah SK Kokol.

Beliau juga berharap lebih ramai pihak akan terus membantu dan mendukung harapan untuk memajukan sekolah berkenaan.

Selain itu, UMS akan menganjurkan Persidangan Kemampanan Kampus peringkat serantau, yang akan dihadiri oleh beberapa orang pakar untuk membincangkan isu-isu semasa teknologi dan kaedah bagi tujuan kemampanan.

Persidangan itu akan diadakan pada 8-9 April 2014. Ia terbuka kepada khalayak umum dan mana-mana pihak kerajaan mahupun swasta untuk menyertainya.

Yuran persidangan adalah sebanyak RM200. Sebarang pertanyaan, boleh hubungi Dr Awangku Hassan Bahar Pengiran Bagul, Pengarah Pusat Pengurusan Kampus Eko UMS, ataupun layari <https://www.ums.edu.my/ecomc/images/1rccs2014.pdf>.